

# Universiti adalah tempat untuk berfikir

48 12.9.2017 A5

LABUAN: Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim telah mengadakan perjumpaan dengan pelajar baharu FKI UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Sesi 2017/2018 pada Jumaat lalu.

Perjumpaan itu yang diadakan di Podium D, Bangunan Menara itu dihadiri 75 pelajar Tahun Satu Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Turut hadir, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) FKI Dr Zamhar Iswandono Awg Ismail dan pensyarah.

Ag Asri berkata universiti adalah tempat untuk pelajar



**PENSYARAH** FKI bersama Ag Asri (tiga kanan).



**AG Asri** (tengah) dan Zamhar (duduk) memerhatikan pensyarah FKI, Dr Joe Henry memperkenalkan diri.

berfikir semua perkara termasuk berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat kepada mereka.

La kerana, katanya, sepanjang pengajian tiga hingga empat tahun di universiti, pelajar akan terus didedahkan dengan perkara baharu yang memerlukan mereka memerah otak untuk berfikir.

"Pelajar kena terus berusaha gigih bukan sahaja untuk mendapat keputusan cemerlang tetapi juga memikirkan masa depan selepas menamatkan pengajian kelak," katanya.


Beliau berharap pelajar sentiasa meminta pandangan dan nasihat pensyarah selaku

mentor mereka khususnya yang berkaitan akademik.

Katanya, kegagalan pelajar untuk berinteraksi secara berterusan dengan pensyarah akan mengakibatkan mereka lambat mendapat ilmu berkaitan kursus yang mereka ambil di FKI.

Ag Asri turut meminta pelajar supaya berusaha lebih gigih meningkatkan imej FKI dan UMS secara keseluruhannya di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Pelajar terbabit akan mengikuti pengajian dalam bidang Teknologi Multimedia (HC12) dan Komputeran Perniagaan (HC13).



**PELAJAR** baharu FKI merakam kenangan bersama Ag Asri (kanan).